

Usah abai beri anak pendidikan agama

Seruani Mufti kepada ibu bapa khususnya yang ada anak berusia tujuh hingga 16 tahun

GOLONGAN remaja merupakan aset yang sangat penting bagi mana-mana masyarakat.

Golongan remaja inilah merupakan masa depan masyarakat dan negara.

Jika golongan remaja dalam sebuah masyarakat itu baik, insya-Allah kemungkinan besar baik jugalah masa depan masyarakat tersebut.

Sebaliknya jika golongan remaja dalam sebuah masyarakat itu jelek, maka kemungkinan juga masa depan masyarakat tersebut jelek.

Maka tidak hairanlah jika banyak tumpuan diberikan oleh sesebuah masyarakat terhadap golongan remaja mereka.

Remaja sekarang pula sedang melahiri satu zaman yang sangat mencabar.

Walaupun rata-rata remaja sekarang mendapat akses yang lebih baik kepada pendidikan, kesihatan, mutu kehidupan dan yang lainnya berbanding remaja sebelum mereka, remaja zaman sekarang terdedah kepada pelbagai bentuk ideologi dan gaya hidup yang boleh mengugat identiti mereka sebagai seorang Muslim.

Pendidikan Islam yang relevan menjadi satu-satunya benteng yang dapat melindungi remaja kita dan serangan-serangan kefatalan yang memusnahkan.

Malah, selain daripada membina daya tahan yang kental dalam diri para remaja kita, pendidikan Islam yang benar mampu membangun sebilah keperibadian yang dapat mencorak masa depan yang lebih baik untuk tamadun akhbar datang, insya-Allah.

Begitulah pentingnya pendidikan Islam kepada golongan remaja kita.

Namun, buat masa ini, penglibatan golongan remaja kita yang berumur antara tujuh hingga 16 tahun bukanlah berada di satu tahap yang dapat kita banggakan.

Hanya 40 peratus (atau 36,138) anak Islam yang berumur antara tujuh dengan 16 tahun mendapat pendidikan Islam secara formal.

Ini bukanlah satu perangkaan yang mengembirakan, walaupun perangkaan ini tidak mengambil kira anak-anak kita yang mendapat pendidikan Islam secara tidak formal melalui kelas-kelas di rumah.

Rata-rata, perkembangan ini menjadi keimbangan bagi masyarakat Islam kita.

Seminar AMP pada 2012 telah mengenal pasti isu ini sebagai antara isu yang menjadi



“Saya menyeru sekalian masyarakat Islam di Singapura, secara khusus mereka yang mempunyai anak di antara tujuh dengan 16 tahun. Sila berikan perhatian kepada pendidikan agama anak anda. Memang kita perlu berkorban masa sedikit. Kita perlu berkorban wang sedikit. Namun, yakinlah pengorbanan tersebut merupakan ibadah yang ada ganjarannya di sisi Allah. Yakinlah, kejayaan di dunia dan di akhirat hanya dapat kita kecapi dengan pendidikan agama.”

- Mufti Dr Mohd Fatris Bakaram (gambar).

Ini bermakna, di sana (sektor swasta) tidak kurang tempat untuk belajar agama, iaitu tempat masih banyak lagi tersedia untuk golongan remaja kita belajar agama.

Namun, yang memisaukan adalah kenapa tempat-tempat ini tidak diisi oleh golongan remaja kita?

Bagi menjawab persoalan ini, pihak PIENet telah menemui rama-rama sekitar 200 ibu bapa yang mempunyai anak dalam lingkungan umur tujuh hingga 16 tahun tetapi tidak menghantar anak mereka menghadiri pendidikan agama.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa sebab utama mengapa ibu bapa tidak menghantar anak mereka menghadiri pendidikan Islam adalah kerana ‘leceh’.

Atau lebih tepat lagi, “di sana tiada pusat pendidikan Islam yang dekat dengan rumah”, “anak terlalu sibuk dengan kerja sekolah dan CCA”, “hujung minggu adalah masa untuk keluarga”, dan sebagainya.

Walaupun secara umum masyarakat Islam kita menganggap pendidikan Islam itu penting, ada segolongan daripada masyarakat kita yang menganggap ada perkara lebih penting daripada pendidikan Islam.

Tentu sekali ini semua merupakan maklumat penting yang perlu diambil kira dalam usaha kita meningkatkan lagi penglibatan golongan remaja dengan pendidikan Islam.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengajik segenap lapisan masyarakat kita untuk mempertimbangkan tiga strategi penting untuk meningkatkan penglibatan golongan remaja menghadiri pendidikan Islam.

Pertama, marilah kita sama-sama meningkatkan lagi kesedaran semua lapisan masyarakat kita terhadap pentingnya pendidikan Islam, terutama sekali bagi golongan remaja kita.

Semua pihak mempunyai peranan untuk terus mengingatkan, mengajurkan, kempen, menyedarkan dan seterusnya kepada lingkungan terdekat.

Kedua, jelas, realiti gaya hidup masyarakat kita sekarang sangat padat dan memerlukan kepada pendekatan pembelajaran Islam alternatif yang mempermudah

pendidikan Islam supaya menyediakan alternatif bagi pendidikan agama agar ia lebih mudah dihadiri golongan remaja kita.

Ketiga, walaupun banyak peningkatan yang telah berlaku di dalam program pembelajaran Islam setempat, marilah kita terus meningkatkan lagi cara kita menyampaikan pembelajaran Islam kepada golongan remaja dengan pendekatan yang akan lebih dapat memaparkan Islam yang relevan, Islam yang indah dan yang penting lagi Islam yang menyelesaikan masalah mereka sebagai remaja.

Allhamdulillah, saya rasa gembira kerana penyedia khidmat pendidikan agama di sektor swasta, atau singkatannya PIENet, begitu responsif terhadap perkembangan ini.

Saya rasa gembira kerana ketiga-tiga strategi yang diusulkan awal tadi semestinya mendapat perhatian PIENet.

Saya menerima laporan bahawa PIENet sedang mengatur langkah untuk mengatasi hambatan-hambatan yang sedia ada melalui strategi yang diusulkan ini.

Yang jelas bagi saya, usaha untuk memberikan pendidikan agama adalah tanggungjawab kita bersama.

Masjid-masjid di Singapura memainkan peranan.

Penyedia khidmat di sektor swasta, atau PIENet, juga memainkan peranan.

Namun, ini juga tidak mencukupi. Kita memerlukan kerjasama, sebagai contoh, semua lapisan guru-guru mengaji di seluruh Singapura bergabung dengan PIENet untuk memberikan sentuhan agama kepada anak-anak kita.

Isilah antara alternatif pendidikan agama yang harus kita kembangkan dan institusikan.

Dalam masa yang sama, saya menyeru sekalian masyarakat Islam di Singapura, secara khusus mereka yang mempunyai anak di antara tujuh dengan 16 tahun.

Sila berikan perhatian kepada pendidikan agama anak anda.

Memang kita perlu berkorban masa sedikit. Kita perlu berkorban wang sedikit.

Namun, yakinlah pengorbanan tersebut merupakan ibadah yang ada ganjarannya di sisi Allah.

Yakinlah, kejayaan di dunia dan di

lah mendapatkan pandangan masyarakat pada 2013 kepada isu-isu yang dianggap penting oleh masyarakat Islam.

Isu penglibatan golongan remaja dalam pendidikan Islam menjadi keprihatinan yang sentiasa menjadi luhur masyarakat Islam kita.

Memang isu ini telah menjadi sesuatu isu yang sudah berada di bawah radar Muis sejak lebih 10 tahun lalu.

Malah dapatan Muis pada masa tersebut menunjukkan bahawa pendekatan yang lebih dinamik dan interaktif diperlukan di dalam pendidikan Islam anak-anak kita bagi memastikan bahawa Islam yang mereka kenal adalah sesuatu yang memberi inspirasi dan menjadi pilihan identiti mereka berbanding alternatif gaya hidup lain yang secara semula jadi merupakan sesuatu yang sangat menarik dan memikat, namun menjahannamkan.

Kerana itu, sepanjang 10 tahun yang lalu, Muis telah secara intensif merombak sistem pendidikan Islam di masjid-masjid kita dengan satu pendekatan yang lebih interaktif, lebih penghayatan nilainya, lebih sesuai dengan konteks dan zaman remaja, namun terus berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Islam.

Dalam masa yang sama, kita juga dapat lihat perkembangan yang berlaku di sektor swasta.

Daripada iklan-iklan yang dapat kita baca di akhbar, jelas pusat-pusat pendidikan Islam semakin berkembang.

Pengisian bagi pendidikan Islam di pusat-pusat tersebut juga dapat dilihat berkembang mengikut peredaran zaman.

Tentu sekali ini adalah sesuatu perkembangan yang baik.

Pusat-pusat pendidikan Islam setempat telah memberikan respons yang sepatutnya terhadap keprihatinan yang diluahkan masyarakat.

Namun, perkembangan ini masih hanya dapat menarik 40 peratus sahaja daripada golongan remaja kita terhadap pendidikan Islam.

Tentu sekali ini adalah sesuatu yang memerlukan penelitian terperinci.

Mengapa di sebalik perkembangan dalam sektor pendidikan Islam yang kita lihat tidak menerangkan suatu perangkaan penglibatan golongan remaja yang lebih menggalakkan?

Dapatan hasil daripada kajian PIENet menunjukkan bahawa di sana ada lebih